

Mari membuka 'pintu' Gereja

TAKHTA SUCI: Pada hari raya Sto Petrus dan Paulus, Jun 29, 2024, Sri Paus Fransiskus menyeru umat Katolik – termasuk para uskup agung metropolitan yang baharu saja dilantik dan menerima *pallium* pada hari itu – untuk “membuka pintu” Gereja dan mengikuti teladan dua rasul besar Roma, sehingga semua orang dapat mengetahui dan merasakan kasih Tuhan.

“Tahun Jubli akan menjadi masa rahmat, di mana kita akan membuka pintu suci agar setiap orang dapat melalui ambang ‘tempat perlindungan hidup’ iaitu Yesus,” kata Bapa Suci dalam homilinya dalam Misa yang dirayakan di Basilika Sto Petrus di Vatikan.

Sri Paus Fransiskus menekankan Sto Petrus dan Paulus memahami erti “pembebasan” dan rahmat Tuhan dalam kehidupan mereka.

Misalnya ketika Santo Petrus dipenjarakan, dia “menyedari bahwa Tuhanlah yang membebaskannya dan membukakan pintu penjara untuknya.”

Sto Petrus memberitahu kita bahawa “Tuhan selalu mendahului kita. Pintu terkunci terbuka oleh kuasa Tuhan,” kata Sri Paus.



Sri Paus Fransiskus memimpin Misa di Basilika Santo Petrus pada hari raya Sto Petrus dan Paulus, Jun 29, 2024. Gambar: Media Vatikan.

Menyusul pertobatannya yang dramatik setelah bertemu dengan Kristus yang bangkit di Damaskus, Sto Paulus memasuki “pintu pertobatan” dan mengakhiri penganiyaannya yang kejam terhadap Gereja.

Sto Petrus dan Paulus sering menggunakan gambaran ‘pintu terbuka’ yang melambangkan “pintu atau jalan masuk menuju pertobatan”, “pintu kepada pertolongan Tuhan” dan “pintu perlindungan daripada Tuhan.”

Selain itu, “Paulus menggunakan gambaran ‘pintu terbuka’ dalam perjalanannya ke

Antiokhia bersama Barnabas di mana mereka telah membuka pintu iman kepada orang-orang bukan Yahudi dan menyatakan semua perkara-perkara besar yang telah dilakukan Tuhan terhadap mereka.”

Dalam homilinya, Bapa Suci mengingatkan para kardinal, uskup agung, paderi, religius dan umat awam yang hadir dalam Misa untuk mempelajari kebijaksanaan kedua-dua rasul besar itu dalam membuka pintu hati khususnya mereka yang masih belum mengenal Kristus.

“Hari ini beberapa gerakan dalam Gereja memberikan kita kerohanian yang mengecewakan.

“Mari meneladani Sto Petrus dan Paulus yang membuka pintu hati mereka untuk menerima Kristus sehingga mereka mengalami sukacita dan meneruskan misi memberitakan Khabar Gembira.”

Selepas perayaan Misa, Sri Paus Fransiskus secara individu menyerahkan *pallium* kepada 33 dari 42 uskup agung metropolitan yang baharu sahaja dilantik. — CNA



Sybil Kathigasu, wirawati pertama dan satu-satunya wanita Malaya yang menerima Pingat George kerana keberaniannya.

Kardinal Malaysia umum proses beatifikasi, kanonisasi Sybil Kathigasu

PULAU PINANG: Kardinal Sebastian Francis, menggesa beatifikasi dan kanonisasi Sybil Kathigasu, seorang wirawati dan martir awam yang melindungi maklumat, menempatkan serta merawat anggota anti-Jepun.

Semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu dalam Perang Dunia II, Sybil — seorang isteri, ibu kepada tiga orang anak, jururawat dan penganut Katolik yang taat — telah dipenjarakan, dipukul hampir mati dan dibiarkan lumpuh kerana merawat seorang pejuang gerila anti-Jepun yang terluka akibat tembakan.

Melalui notis pemberitahuan terbaharu keuskupan Pulau Pinang yang diterbitkan pada hari Julai 1, 2024, Kardinal Francis berkata selepas berbincang dan menerima restu daripada Uskup Agung Kuala Lumpur, Julian Leow mengenai perkara itu, Kardinal Sebastian telah melantik Fr

Eugene Benedict dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur untuk membantu proses awal.

“Saya melihat ini sebagai peluang untuk membawa kita bersama dan untuk kita merenung kehidupan Sybil sebagai orang yang beriman.

“Saya berharap kita akan mengambil perjuangan Sybil sebagai contoh dan inspirasi untuk hidup berpandukan Injil. Proses ini akan dilakukan dengan teliti dengan meninjau semula, mencari inspirasi untuk masa kini melalui kehidupan Sybil,” katanya.

Sybil adalah seorang jururawat kelahiran Indonesia yang menjalankan klinik percuma di Papan, Perak, bersama suaminya Dr Abdon Clement Kathigasu, semasa penjajahan Jepun di Tanah Melayu.

Seorang wanita yang berpendidikan tinggi, dia fasih berbahasa Kantonis, yang membolehkannya berkomunikasi dengan

gerila anti-Jepun. Bagaimanapun, dia telah ditangkap pada Ogos 1943 oleh polis rahsia Jepun.

Sybil enggan memberikan maklumat tentang pejuang anti-Jepun meskipun disiksa dengan kejam. Sybil hanya dapat dibebaskan ketika Jepun menyerah kalah pada tahun 1945.

Pada Jun 12, 1948, pada usia 49 tahun, Kathigasu meninggal dunia akibat sepsis — jangkitan kuman pada darah di rahangnya. Dia dikebumikan di Scotland tetapi jenazahnya dikembalikan ke Ipoh setahun kemudian, dan dia dikebumikan semula di Gereja St Michael.

Sybil kekal sebagai satu-satunya wanita Malaya yang menerima Pingat George, penghormatan awam kedua tertinggi di UK untuk keberanian, yang dianugerahkan oleh Raja George VI di Istana Buckingham. — CNA

Teruskan berdoa biar pun rasa sia-sia

Sesungguhnya doa sangat diperlukan lebih-lebih lagi pada masa ia kelihatan sangat sia-sia.

Michael J. Buckley, salah seorang mentor rohani utama dalam hidup saya, pernah menulis kata-kata itu. Apa yang dimaksudkannya?

Dalam menghadapi begitu banyak masalah, kita boleh merasakan bahawa berdoa adalah sia-sia.

Sebagai contoh, dalam menghadapi keputusasaan dan ketidakberdayaan akibat beberapa masalah besar di dunia kita, memang mudah untuk merasakan bahawa berdoa adalah sia-sia.

Apakah yang akan dilakukan oleh doa saya terhadap peperangan yang melanda pelbagai bahagian dunia?

Apakah nilai doa saya dalam menghadapi ketidakadilan, kebuluran, perkauman dan seksisme?

Apakah yang akan dilakukan oleh doa saya terhadap perpecahan dan kebencian yang kini memecahbelahkan komuniti kita? Memang mudah untuk merasakan bahawa berdoa tentang situasi ini adalah sia-sia.

Perkara yang sama berlaku apabila kita sering merasakan doa tidak berguna apabila penyakit serius menimpa kita.

Adakah doa membawa penawar bagi seseorang yang menghidap kanser terminal?

Adakah kita benar-benar mengharapkan penyembuhan yang ajaib?

Kebanyakan daripada kita sebenarnya terus berdoa walaupun merasakan bahawa doa kita tidak akan mengubah keadaan. Kenapa?

Mengapa perlu berdoa apabila ia kelihatan sia-sia? Ahli teologi dan penulis rohani telah memberi kita pelbagai pandangan yang banyak membantu kita tentang perkara ini, tetapi masih tidak mencukupi.

Mereka mengatakan doa bukan untuk mengubah fikiran Tuhan, tetapi untuk mengubah fikiran orang yang berdoa.

Kita tidak berdoa untuk meletakkan Tuhan di pihak kami; kita berdoa untuk meletakkan diri kita di sisi Tuhan.

Selain itu, kita telah diajar bahawa sebab

mengapa Tuhan seperti tidak menjawab doa kita — adalah kerana Tuhan, seperti ibu bapa yang penyayang, mengetahui apa yang baik untuk kita dan menjawab doa kita dengan memberi kita apa yang sebenarnya kita perlukan dan bukan di sebaliknya.

C.S. Lewis pernah berkata bahawa kita seharusnya meluangkan banyak masa untuk berterima kasih kepada Tuhan atas doa-doa yang tidak dijawab oleh Tuhan.

Ini adalah penting dan benar kerana jalan Tuhan bukan jalan kita. Iman meminta kita untuk memberi Tuhan ruang dan masa untuk melakkan karya-Nya, tanpa perlu akur dengan ketidasaabaran dan desakan kita.

Kita seharusnya bersyukur kerana Tuhan tidak menjawab banyak doa yang mengikut kehendak kita sendiri.

Hakikatnya, apabila Yesus menjemput kita untuk berdoa, Dia tidak meminta balasan atau hanya mendengar sebahagian atau menerima doa daripada orang-orang tertentu sahaja.

Yesus tidak mengatakan, jika anda mahu meminta dan mahu Aku mengabulkannya, mintalah perkara itu dengan cara yang betul, maka aku akan mengabulkan doa anda.

Tidak! Sebaliknya Dia hanya berkata: Mintalah dan kamu akan menerima. Dia juga berkata bahawa sesetengah syaitan hanya dapat diusir dengan doa dan puasa.

Jadi, bagaimanakah kuasa gelap keganasan, perpecahan, kebencian, peperangan, kelaparan, pemanasan global, kebuluran, perkauman, seksisme, kanser, penyakit jantung dan seumpamanya boleh diusir melalui doa?

Bagaimanakah doa dapat digunakan dalam mana-mana isu-isu praktikal seperti peperangan, perkauman, kanser dan sebagainya?

Secara ringkasnya, doa bukan sahaja mengubah orang yang berdoa tetapi ia juga mengubah keadaan. Apabila anda berdoa, anda sebenarnya sebahagian daripada keadaan yang didoakan.

Doa yang ikhlas membantu anda menjadi mengubah atau mencapai apa yang didoakan.

Sebagai contoh, berdoa untuk kedamaian



membantu menenangkan hati anda sendiri dan membawa hati yang lebih damai ke dunia.

Walaupun ini benar, terdapat juga realiti yang lebih mendalam iaitu apabila kita berdoa, ada sesuatu yang unik berlaku, yang melampaui apa yang biasa kita bayangkan.

Doa boleh mengubah diri kita, mengubah keadaan kita; ya, malah melalui cara yang lebih mendalam daripada yang biasa kita bayangkan.

Sebagai orang Kristian, kita percaya bahawa kita adalah sebahagian daripada Tubuh Kristus.

Ini bermakna kesatuan kita dengan Tuhan dan sesama lebih bermakna berbanding kesatuan komuniti korporat yang dianggap ideal.

Kita adalah sebahagian daripada organisma hidup di mana setiap bahagian mempengaruhi setiap bahagian lain. Dan, tidak ada sesuatu pun yang dapat tersembunyi daripada Tuhan — baik atau buruk.

Saya sebenarnya teragak-agak untuk menyamakan hal ini dengan sistem imun di dalam tubuh manusia. Ini sekadar analogi, saya sedar ia kurang memadai tetapi mungkin ia dapat

memperdalamkan pemahaman kita tentang doa.

Sama seperti sistem dalam tubuh manusia terdapat sistem imun yang melindungi kesihatan keseluruhan tubuh.

Sistem imun membunuh sel dan virus yang membahayakan kesihatan.

Pada setiap masa, ada sel sihat yang membawa kekuatan kepada sistem imun di dalam Tubuh Kristus namun ada juga virus atau sel kanser yang mengancam kesihatan kita.

Berdoa tentang sesuatu dapat membuat sesuatu terhadap tubuh dan minda kita. Doa membantu menguatkan iman seperti sistem imun yang melindungi tubuh kita.

Walaupun pada zahirnya, kadang-kadang kita merasakan doa itu tidak berguna tetapi sebenarnya ia melakukan sesuatu yang penting di dalam peribadi kita. Doa adalah sesuatu yang sangat kita perlukan sentiasa betul, melindungi dan mengubah kita menjadi lebih baik tepat pada masanya, meskipun adakalanya kita merasakan bahawa doa kita sia-sia.

— *Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser*

Sejauh mana kita merasa diri sebagai murid Yesus

Tugas perutusan atau tugas misionari oleh Yesus adalah ditujukan kepada segala makhluk, dan tugas itu diberikan tanpa memilih-milih serta bersifat universal.

Sesiapa yang dipanggil Tuhan, akan melayani sesiapa sahaja. Sebab inilah dikatakan panggilan Yesus bersifat universal.

Nada kata-kata Yesus di dalam Injil hari ini menuntut sikap agar bersandar secara total kepada Tuhan dalam apa pun. Walau apa pun situasi dan keperluan yang mereka alami.

Setiap yang diutus tidak dapat memilih tempat atau orang. Mereka tidak dihantar kepada orang-orang yang pasti menerima pewartaan.

Bahkan Yesus menambah pesan “jangan membawa apa-apa dalam perjalanan”.

Perintah Yesus ini sungguh bertentangan dengan pemikiran intelektual secara moden: *safety first!*

Sebenarnya yang dimaksudkan Yesus ialah supaya murid-murid-Nya bergantung sepenuhnya kepada-Nya, bukan kepada diri mereka sendiri!

Dia berjanji akan menyertai mereka sepenuhnya, dan satu-satunya tujuan Yesus datang ke dunia ialah untuk menyelamatkan semua orang.

Maka perintah-Nya untuk mengebaskan debu yang di kaki, dimaksudkan sebagai

kesaksian bagi sesiapa yang menolak atau tidak mahu bertaubat.

Ada ajaran lain dalam Injil Markus hari ini, yang patut kita perhatikan. Apabila kita membaca Injil Markus seluruhnya, ternyata murid-murid Yesus kerap kali bukan membantu, melainkan menghalang Dia.

Yesus sering menegur mereka, kerana gagal menangkap atau memahami maksud-Nya disebabkan oleh kekerasan hati mereka! Meskipun demikian, Yesus sungguh datang untuk menyelamatkan kita dan Dia mengenal siapa sebenarnya murid-murid-Nya.

Lazim orang berkata: “Orang-orang di dunia lebih memikirkan hal-hal duniawi, bukan hal-hal ilahi”.

Inilah yang juga dialami murid-murid Yesus, meskipun mereka itu sudah dipanggil oleh Yesus.

Oleh kerana Yesus datang ke dunia untuk menolong dan menyelamatkan, maka Dia sabar dan tak akan berganti sikap kasih dan perbuatan-Nya.

Perlahan-lahan, Dia mengubah cara fikir, pandangan, sikap dan perbuatan murid-murid-Nya.

Mereka diubah menjadi murid-murid yang setia, sehingga akhirnya (kecuali Yohanes) mereka bersedia mengorbankan hidup mereka sebagai martir.

Yesus memberikan kuasa dan kekuatan

kepada murid-murid-Nya untuk tampil, hidup dan bertindak atas nama-Nya.

Kuasa dan kekuatan apa itu sebenarnya? Dia memberi perintah agar para pengikut-Nya mengusir syaitan dengan menggunakan nama-Nya, menyembuhkan orang sakit, memberi makan kepada orang yang lapar,ewartakan sabda Tuhan.

Semua itu dirumuskan dengan “membawa khabar gembira (Injil)”, seperti yang telah diterima daripada dan dilakukan oleh Yesus sendiri.

Ini bermaksud, kuasa dan kekuatan Yesus bukan sembarangan, melainkan digabungkan dengan kasih dan kerendahan hati.

Namun ‘dunia’ dan ‘daging’ mencari serta menggunakan kuasa dan kekuatannya untuk kepentingannya sendiri, Yesus mengajarkan dan melaksanakan kuasa dan kekuatan-Nya untuk kepentingan sesama manusia!

Memang mengikuti Yesus, menjadi murid-Nya ada risikonya!

Menjadi murid Yesus bererti mahu mengajar dan melakukan apa yang dilakukan Yesus sendiri! Ternyata apa yang diajarkan dan dilaksanakan oleh Yesus telah membawa-Nya kepada penderitaan dan kematian.

Apa kesimpulan kita? Mari kita semua sebagai murid Yesus secara jujur bertanya kepada diri kita sendiri: Sejauh manakah

HARI MINGGU BIASA KE-15 TAHUN B

AMOS 7:12-15
EFESUS 1:3-10
INJIL MARKUS 6:7-13

kita merasa diri sebagai murid Yesus?

Panggilan apakah yang disampaikan kepada kita masing-masing? Pengalaman apakah yang kita hadapi dan kita tanggap, sehingga dapat memperdalam iman kita sebagai murid Yesus sejati?

Apakah hanya yang menyenangkan, memuaskan, keberhasilan? Ataukah kekecewaan, kesulitan, penderitaan?

Sejauh manakah kita, sebagai murid Yesus, mengambil bahagian dalam tugas memperkenalkan Yesus kepada orang lain melalui tingkah laku kita, perkataan kita, dengan menyembuhkan orang sakit dan memberi makanan kepada orang yang berkekurangan?

Sudahkah kita mengajak orang lain ikut mengambil bahagian dalam kebahagiaan dan kepuasan kita. Belum atau tidak? Jika belum, maka kita bukan murid Yesus sejati.

— *Msgr F.X Hadisumarta O.Carm, imankatolik*

Kempen PROTEC memasuki tahun ke lima

SIBU: “Berharap dan Bertindak dengan Penciptaan” merupakan tema Musim Penciptaan pada tahun 2023, merekodkan tahun paling panas dalam rekod dengan purata suhu global mencecah lebih 1.4°C melebihi paras praindustrian.

Ini adalah perkembangan berbahaya memandangkan matlamat Perjanjian Paris untuk menghadkan kenaikan suhu kepada 1.5°C, had yang mungkin kita capai buat sementara waktu dalam tempoh lima tahun ini, kata Uskup Joseph Hii, Presiden Komisi Episkopal Keadilan Ciptaan Tuhan untuk Malaysia, Singapura dan Brunei.

Uskup Joseph Hii menulis dalam surat pastoralnya bertarikh Julai 1, 2024 bahawa, “Jelas, dunia tidak segera mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sehingga memusnahkan singki karbon semulajadi yang amat berharga seperti hutan semula jadi kita. Salah satu punca utama kemusnahan hutan ialah pembalakan kayu.”

“Kira-kira 420 juta hektar hutan telah hilang akibat penebangan hutan antara 1990 dan 2020, dan kita kehilangan kira-kira 10 juta hektar setiap tahun.”

Uskup Sibu itu kesal kerana “umat manusia membunuh hutan yang merupakan paru-paru planet ini, memburukkan lagi pemanasan global, membunuh biodiversiti yang berharga dan mengancam kelangsungan hidup berbilion orang yang bergantung kepada hutan untuk hidup.”

Tegasnya, “Kita perlu menghentikan penebangan hutan sekarang. Satu perkara yang boleh kita lakukan dengan mudah ialah mengurangkan penggunaan kertas dan kayu.”

Prelatus itu menjelaskan bahawa pada tahun ini, kempen Lindungi Bumi kita, Lindungi anak-anak kita (PROTEC) memasuki tahun kelima dengan tema: Kurangkan Penggunaan Kertas dan Kayu.

Tema ini berlangsung selama satu tahun dari September 1, 2024 hingga Ogos 31, 2025.

PROTEC Tahun ke lima akan dilancarkan pada September 1, di Keuskupan Agung Kuala Lumpur dengan Misa Kudus.

Uskup Joseph Hii berterima kasih kepada Uskup Agung Julian Leow dan Komisi Keadilan Penciptaan Keuskupan Agung Kuala Lumpur kerana menganjurkan acara

pelancaran ini.

Pelancaran ini akan bertepatan dengan Musim Penciptaan 2024 (September 1 hingga Oktober 4) dengan tema: “Untuk berharap dan bertindak dengan penciptaan”.

Komisi Episkopal bagi Keadilan Penciptaan Malaysia, Singapura dan Brunei bersungguh-sungguh menyeru semua umat di semua keuskupan untuk meraikan sepenuhnya Kempen PROTEC Tahun 5 dan Musim Penciptaan 2024.

“Walaupun umat manusia telah melakukan banyak kemudaratan kepada penciptaan, marilah kita berpegang teguh dalam iman dan berjanji bahawa “di mana dosa berlimpah, kasih karunia berlimpah-limpah” (Roma 5:20),” ujar Uskup Joseph Hii.

Pada akhir pesannya, Uskup Joseph Hii menulis, “Semoga rahmat Roh Kudus menyegerakan kita untuk berharap dan semoga harapan kita membuahkan hasil dalam tindakan yang penuh kasih dan komited untuk membina kerajaan kasih, keadilan dan kedamaian Tuhan di tengah-tengah dunia dalam krisis.”

Dua pesta digabungkan untuk ungkap kesyukuran pada Tuhan



Fr Simon Kuntou (kiri) dalam acara simbolik mengetam padi semasa Pesta Gaamatan 2024 di Gereja St Mark, Sandakan.

SANDAKAN: Pesta Kaamatan dan Gawai digabungkan menjadi pesta Gaamatan di Gereja St Mark pada Jun 22-23 lalu.

Program ini diadakan sesuai mengikut visi dan misi gereja “komuniti berpusatkan Kristus, melayani sesama dengan kasih”.

Pada hari pertama Gaamatan, diadakan aktiviti zumba dan *funfair*.

Acara kemuncak pesta Gaamatan ialah perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Fr Simon Kuntou pada Jun 23.

Paderi itu memberikan perumpamaan bahawa Gereja merupakan bahtera kapal yang diambang laut bergelora dan kita umat yang berjalan bersama dalam hidup masyarakat merupakan orang yang ada dalam bahtera kapal tersebut.

Fr Simon menambah bahawa kehidupan kita pasti akan menghadapi pergolakan dan cabaran hidup.

Namun, Sabda Tuhan memanggil kita untuk percaya dan berpegang teguh pada ajaran serta janji-Nya.

Pesta Gaamatan diteruskan di dewan serbaguna St Mark dengan pelbagai acara pentas menarik seperti persembahan dari Pelajar Sekolah Seni Malaysia Sabah (SSMS) dan Etnik Sarawak dan pertandingan *Sugandoi Dazanak* Gaamatan 2024. — *Genevieve Hazel & Macshamus Bilcher*

Harmony Walk tarik 5,000 peserta pelbagai kaum

KUCHING: Orang ramai yang berbilang kaum dan usia berhimpun pada awal pagi Jun 29, untuk menjayakan *Sarawak Harmony*

Walk 2024.

Berlangsung di sekitar Padang Merdeka, para peserta menyaksikan Yang Di-Pertua

Sarawak, Tun Pehin Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar mengibarkan bendera sekitar jam 7.00 pagi.

Kemudian Wan Junaidi dan isterinya, Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi, menyertai 5,000 peserta dalam *Harmony Walk*.

Dengan tema, ‘*Unity Is Our Calling*’, perjalanan 2.4 kilometer itu dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Agama-agama Lain (UNIFOR).

Turut serta ialah pelbagai institusi dan pertubuhan agama seperti Persatuan Gereja-gereja cawangan Sarawak, Persatuan Buddha Malaysia, Persatuan Sikh, *Sarawak Bahá’i Spiritual Assembly*, the *Federation of Chinese Associations Sarawak* dan Pusat Maklumat Islam Sarawak. — *New Sarawak Tribune, TVS*



Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Nasib malang dan untung manusia

Soalan: Saya pernah mendengar rungutan rakan umat bahawa “yang kaya makin kaya, yang miskin semakin miskin”. Ada juga keraguan di hati saya apabila melihat orang yang tidak pernah ke Gereja tetapi masih hidup mewah dan mempunyai kesihatan yang baik, tetapi yang miskin pula umpama sudah jatuh, ditimpa tangga.

Mengapa demikian? Bukankah Tuhan menyayangi semua umat manusia tanpa pilih kasih? — *Tristan*

Jawaban: Pertama, jangan cemburu atau curiga terhadap sesiapa jua yang memperoleh harta melimpah. Jangan sampai kita jatuh dalam dosa kerana mengadili orang lain dan menjadi curiga hanya dari penampilan luar.

Kedua, ungkapan ‘yang kaya semakin kaya, yang miskin semakin miskin’, sebenarnya menunjukkan sistem dunia sekarang ini. Dalam kenyataan dunia ini, perolehan memang seringkali tidak lurus atau adil berbanding kerja keras yang telah dilakukan.

Akibat sistem ini, ada pihak yang mendapat untung, misalnya kerana dunia sentiasa menyukai kecantikan dan keelokan, atau kerana dunia rindu akan suasana jenaka maka ada pihak yang mendapat keuntungan dengan membuat orang terlepas dari ketegangan melalui jenaka mereka.

Yang lain pula bertuah kerana hidup dalam re-

lasi yang baik: misalnya mempunyai modal untuk berniaga, mempunyai keluarga baik dan kaya, memiliki kecerdikan untuk dimanfaatkan dan sebagainya.

Sudah tentu, bagi orang-orang yang memang berusaha sungguh-sungguh, mereka mampu memanfaatkan peluang dengan kreatif dan hasilnya, mereka mendapat keuntungan, ditambah pula dengan kematangan emosional dan sosial yang baik.

Ketiga, sistem itu tidak selalu adil dan memihak orang miskin. Ada orang yang tidak bias mengikuti sistem dunia ini, sehingga tersingkir dari perkembangan dan proses ekonomi.

Dalam dokumen *Evangelii Gaudium*, Sri Paus Fransiskus banyak menegur orang-orang seperti ini, terutama akibat sistem ekonomi yang ‘mengecualikan’, yang menyingkirkan orang-orang yang tidak relevan.

Orang-orang seperti ini tersingkir, bukan kerana dieksploitasi atau ditindas, melainkan kerana ketinggalan dan tidak ambil baha gian dari perkembangan.

Lebih sengsara lagi nasib mereka, mereka cepat beralah dan putus asa dari orang yang serakah dan tidak mahu peduli. Seruan mereka tidak mampu menggerakkan belaskasih pada hati orang yang mendengarnya.

Siapakah yang mendapat rahmat di sini: yang kaya atau miskin? Tentu rahmat tidak boleh

dibatasi hanya pada keuntungan material belaka.

Kekayaan material dapat menjadi awal rahmat, tetapi sebaliknya boleh menjadi penghambat rahmat.

Tuhan juga meminta kita mengatasi ragi kerakusan dan di satu pihak, Dia juga mahu kita bersahabat dengan mammon untuk memperoleh hidup.

Rahmat sejati membuat orang beriman dapat berbahagia dalam keadaan terpuruk sekalipun. Di situlah kita mengerti sabda bahagia Tuhan: “Berbahagialah mereka yang miskin.”

Rahmat Tuhan memperteguh kemampuan kita untuk mengupayakan hal-hal duniawi, membuat kita tidak melupakan cinta kasih dan kepedulian kepada sesama.

Rahmat menghasilkan buah-buah Roh dalam setiap sisi hidup, sehingga budi dan kemampuan manusiawi dimurnikan untuk hidup yang kekal.

“Kumpulkanlah bagimu harta di syurga, yang tidak akan dimakan ngengat dan didekati pencuri.” (Matius 6:20).

“... apakah gunanya orang memiliki dunia ini, kalau ia kehilangan nyawanya.” (Yohanes 12:25).

Ajakan ini berlaku baik bagi semua orang, kaya mahupun miskin. Sri Paus Fransiskus dalam dokumen *Laudato Si* mengingatkan kita kepada bahaya ketamakan: “Bagi kita seringkali sedikit bererti banyak.” Itulah berkat rahmat. Di situlah sayangnya Tuhan. — *Fr Gregorius Hertanto MSC, hidupkatolik.com*

Sahabat kecil Yesus

Isi tempat kosong dengan menulis jawapan yang betul.



Dan kalau
ada suatu

_____ yang tidak mahu
menerima kamu dan kalau mereka tidak mahu
_____ kamu, _____ dari situ
dan _____ debu yang di _____
sebagai _____ bagi mereka.

(Markus 6:11-12)

kebaskanlah peringatan kakimu
tempat mendengarkan mahu keluarlah

Hello adik-adik,

Apa khabar? Ketika kita hendak pergi bercuti atau berpergian, apa yang adik-adik perlu bawa? Bagi antie, antie akan membawa pakaian, komputer riba dan pengecas telefon bimbit.

Tetapi tahukah adik-adik, ketika Yesus mengutus para pengikut-Nya untuk menginjil, mereka

dilarang untuk membawa barang-barang keperluan peribadi!

Bagaimana mungkin para murid Yesus dapat berjalan tanpa membawa wang dan makanan?

Sebenarnya adik-adik, Yesus bukan mahu menyiksa mereka tetapi Dia mahu mengingatkan kita bahawa yang mengutus mereka adalah Yesus sendiri.

Jadi ketika Yesus mengutus

mereka, Dia sudah membekalkan mereka dengan rahmat-Nya yang tersendiri. Dan Yesus juga mahu mereka menumpukan kepada pevertaan, bukan perkara-perkara yang tidak penting.

Semoga kita bertemu di ruangan akan datang, jaga diri adik-adik dan rajin-rajinlah berdoa.

Antie Melly

CARI DAN BULATKAN EMPAT INJIL PADA SENARAI KITAB DI BAWAH.



Yesus memanggil kedua belas murid-Nya dan mengutus mereka berdua-dua (Markus 6:7-13)

Mari Mewarna



Cari LAPAN perbezaan pada gambar ini:



BELIA MILENIUM

Perkhemahan rohani para uskup dan religius bersama kaum muda

SEOUL: Kira-kira 600 orang muda berkumpul pada petang Jun 28, untuk acara “*Camp at the Cathedral*”, yang dianjurkan oleh *Local Organising Committee (LOC) World Youth Day (WYD) Seoul 2027*.

Acara itu bertujuan untuk membina relasi antara Gereja dan pengikutnya yang lebih muda melalui dialog dan perkongsian pengalaman.

Bertemakan “Jangan takut: Aku menyer-tai kamu” (Yesaya 41:10), suasana meriah itu jarang terjadi di Katedral.

Halaman belakang katedral telah bertukar menjadi tapak perkhemahan, dengan para peserta yang dibahagikan kepada sepuluh kumpulan, duduk dalam bulatan, difasili-tasi oleh paderi, religius wanita dan suka-relawan.

Pada mulanya, ramai belia terkejut dan agak berhati-hati untuk duduk berdekatan dengan uskup, tetapi menjelang petang, mereka semakin akrab dan perbualan semakin rancak dan bermakna.

Dalam perkhemahan itu, empat orang penceramah menyampaikan pengalaman mereka dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh belia kontemporari. Selepas setiap ceramah, perbincangan dalam kumpulan dilakukan, seperti yang diilhamkan oleh Sinode.

Sang-wook Lee, Presiden Federasi Belia Keuskupan Agung Seoul, menyatakan ramai sukarelawan muda kurang mendapat sokongan daripada Gereja dan ramai belia juga yang tidak ambil peduli tentang hal kerohanian.

“Kami memerlukan acara yang bersifat



Kawasan Katedral berubah menjadi tapak perkhemahan. Para Uskup dan religius menemani serta bersantai rohani bersama para belia. Gambar: Media Vatikan.

komuniti baharu, bukan pemimpin konvensional yang baik untuk membantu golongan muda mencari makna pelayanan,” kata Lee.

Uskup Agung Peter Soon-Taick Chung melahirkan rasa terima kasihnya atas kejujuran dan kesediaan peserta muda untuk berkongsi kisah mereka.

Ia adalah masa yang berharga untuk mendengar kisah hidup anda. Saya berterima kasih kepada golongan muda atas masa berharga mereka. Kami akan terus menganjurkan pelbagai perhimpunan untuk berkongsi cerita dengan anda sebagai protagonis,” katanya.

“Ini adalah masa yang sangat berharga

untuk mendengar kisah hidup anda. Saya berterima kasih kepada golongan muda atas masa berharga mereka. Kami akan terus menganjurkan pelbagai aktiviti untuk berkongsi cerita dengan anda sebagai protagonis,” katanya.

Memetik kata-kata daripada Sri Paus Fransiskus, prelatus itu mengatakan, “Tuhan mengasihi kita walau siapa pun kita, tidak kira apa pencapaian atau siapa kita. Semoga melalui proses persiapan WYD, anda mengalami pengalaman bahawa Tuhan sentiasa bersama anda baik dalam kegembiraan mahupun kesedihan.”

Dalam satu kenyataannya, LOC berkata

inisiatif Uskup Agung Peter ini mencerminkan dedikasinya untuk mendengar suara orang muda.

“Berkhemah di Katedral” berjaya menyediakan platform unik untuk berdialog antara pemimpin Gereja dan pengurus masa depannya iaitu kaum belia,” kata kenyataan itu.

Tahun lalu, Sri Paus Fransiskus mengumumkan Seoul sebagai tuan rumah untuk Hari Belia Sedunia 2027. Menyahut pengumuman itu, Uskup Agung Peter komited untuk mencipta acara yang mempromosikan “persaudaraan, kerohanian dan perpaduan sosial” merentasi budaya dan agama yang berbeza. — *media Vatikan*

Roh Kudus membawa kehidupan rohani yang baharu

IPOH: 40 kaum muda menerima Sakramen Penguatan di Gereja *Our Lady of Lourdes* pada Jun 16 lalu.

Dalam ritus itu, Kardinal Sebastian Francis, Uskup Pulau Pinang, telah menyampaikan homili yang menyentuh hati kepada para penerima Krisma tentang peranan penting Roh Kudus dalam perjalanan iman mereka.

Kardinal Sebastian menggelarkan para krismawan itu sebagai “benih muda sawi” dan mengatakan, “Kita perlu Roh Kudus untuk bertumbuh bagi meneruskan misi Gereja dan bergerak ke hadapan sambil dibimbing oleh Roh Kudus.”

Prelatus itu menegaskan bahawa tanpa Roh Kudus, pertumbuhan rohani ada-



lah mustahil.

“Setelah kamu diurapi dengan minyak krisma, kamu perlu Roh Kudus untuk bertumbuh dalam iman, seperti biji sawi yang bermula dari benih kecil, tumbuh menjadi pokok yang tinggi dan kuat sehingga burung-burung pun boleh berlindung pada dahan-dahannya.

“Selain itu, mulai hari ini juga, anda

harus memikul tanggungjawab dalam memperkasakan iman. Roh Kudus juga diberikan kepada anda secara sakramental semasa anda menerima Krisma,” ujar Kardinal Sebastian.

Turut merayakan Misa bersama Kardinal Sebastian ialah Uskup Agung Emeritus Murphy Pakiam, Fr Robert Daniel, Fr George Vaithynathan dan

Diakon Sandnasamy Peter.

Selepas diurapi dengan minyak krisma oleh Kardinal, para krismawan juga menerima berkat istimewa daripada Uskup Emeritus Murphy.

Pada penghujung Misa, Ashley, salah seorang krismawan, menyampaikan testimoni kesyukuran, mewakili rakan-rakannya.

Paderi paroki, Fr Robert mengungkapkan terima kasih kepada para katekis kerana berjaya membimbing para krismawan sehingga selamat menerima Sakramen Penguatan.

Pembantu paderi paroki, Fr George kemudiannya menyampaikan sijil Sakramen Penguatan kepada para krismawan.

Sri Paus berdoa bagi mereka yang inginkan peperangan

TAKHTA SUCI: Sri Paus Fransiskus telah menggesa umat beriman untuk berdoa kepada Hati Kudus Yesus untuk “menyentuh hati mereka yang ingin berperang supaya hati mereka boleh ditukar kepada rancangan dialog dan perdamaian.”

Fransiskus menggesa para penziarah yang berkumpul di Dataran Sto Petrus, Roma pada Jun 30, mengingatkan mereka akan penderitaan akibat keinginan hati yang suka berperang.

Ramai saudara dan saudari kita di pelbagai bahagian dunia mengalami

diskriminasi dan penganiayaan kerana iman mereka,” kata Fransiskus.

Katanya ramai yang lain menghadapi kemartiran “sarung tangan putih” – istilah yang digunakan oleh Bapa Suci sejak awal tahun kepausannya untuk menunjukkan satu bentuk penganiayaan halus di mana orang Kristian dihalau, dipinggirkan dan didiskriminasikan dalam kehidupan politik dan sosial.

“Marilah kita menyokong orang-orang yang dianiaya ini, semoga kita diinspirasi melalui kesaksian mereka tentang kasih kepada Kristus,” kata

Bapa Suci Fransiskus.

Semasa mengingatkan para penziarah bahawa Gereja sedang mengenang Protomartir Roma, Sri Paus berkata bahawa semua orang Kristian hidup” di masa kemartiran, yang bahkan lebih parah dibandingkan abad-abad awal.”

Protomartir Roma adalah murid-murid pertama para Rasul dan kumpulan pertama orang Kristian yang mengalami martir di Roma, terutamanya semasa penganiayaan di bawah Maharaja Nero berikutan Kebakaran Besar Roma pada 64 sesudah Masihi. — *media Vatikan*



Sri Paus Fransiskus menyampaikan renungan kepada para penziarah di Dataran Sto Petrus, Vatikan pada Jun 30. Gambar: Media Vatikan

Gereja Timur di India akhiri perselisihan liturgi puluhan tahun

KERALA: Para paderi ‘pemberontak’ Gereja Siro Malabar ritis Timur telah sepakat untuk merayakan Misa yang disetujui sinode mulai Julai 3, seterusnya mengakhiri perselisihan liturgi yang berpanjangan di Gereja India selatan itu.

“Perselisihan liturgi telah diselesaikan,” kata Fr Kuriakose Mundadan, setiausaha dewan presbiterial Keuskupan Agung Ernakulam-Angamaly, di mana selama tiga tahun, lebih 450 paderi dan sekitar setengah juta umat Katolik menolak menerima cara liturgi yang disetujui oleh sinode Gereja itu.

Misa yang disetujui Sinode ingin para selebran menghadap altar dan umat. Umat Katolik di keuskupan agung menolak dan meneruskan Misa tradisional mereka, di mana selebran menghadap umat sepanjang Misa.

“Setiap paroki akan merayakan Misa yang disetujui Sinode pada hari Minggu dan hari-hari wajib lainnya. Dan kami diperbolehkan melanjutkan Misa tradisional kami pada hari-hari lainnya,” kata Fr Mundadan kepada Ucanews pada Julai 3.

Penyelesaian tersebut menyusul selepas beberapa siri perbincangan setelah Sri Paus

Fransiskus pada Mei mengatakan kepada uskup Gereja *sui juris* (yang memiliki peraturan sendiri) untuk mencari “solusi damai”. Pertikaian di Gereja yang berpangkalan di Kerala telah memuncak selama lebih lima dekad dan semakin sengit tiga tahun lalu selepas Sinode berkeras untuk mengikuti Misa yang diluluskan sinode di seluruh Gereja.

Kesemua 35 keuskupan Gereja, kecuali Keuskupan Agung Ernakulam-Angamaly, telah melaksanakan Misa Sinode.

Para uskup setuju untuk berkonsultasi dengan badan kanonik keuskupan agung jika persyaratan penyelesaian perlu diubah.

“Kami tidak ingin ada perselisihan mengenai Misa pada masa hadapan,” kata Riju Kanjookaran, jurubicara sebuah Gerakan kumpulan paderi, religius dan awam yang mempelopori protes terhadap keputusan Sinode.

Sri Paus Leo XIII mendirikan Keuskupan Agung Ernakulam-Angamaly sebagai vikariat pada Julai 28, 1896. Dengan lebih dari setengah juta umat Katolik, keuskupan ini merupakan Gereja ritis Timur kedua terbesar selepas Gereja Ukraine. — *ucanews.com*



Pengurapan orang sakit ‘menyembuhkan jiwa’

ROMA: Sakramen pengurapan untuk orang sakit bukan hanya untuk mereka yang berada di ambang maut, kata Sri Paus Fransiskus.

“Mari kita mengingati bahawa pengurapan orang sakit adalah salah satu ‘sakramen penyembuhan,’ ‘pemulihan,’ yang menyembuhkan roh,” kata Bapa Suci dalam pesan video yang diterbitkan pada Julai 2 oleh Jaringan Doa Sri Paus untuk Seluruh Dunia.

Jaringan Doa itu menyiarkan video pendek Sri Paus yang menawarkan intensi khusus setiap bulan.

Untuk bulan Julai, Sri Paus mendedikasikan intensinya untuk pelayanan pastoral orang sakit.

“Pengurapan orang sakit bukanlah sakramen yang dikhaskan untuk mereka yang berada di titik kematian,” jelas Bapa Suci.

“Penting bagi semua umat untuk jelas akan perkara ini!”

Mereka yang menerima sakramen ini

tidak semestinya bermaksud mengucapkan “selamat tinggal kepada kehidupan,” katanya. “Pemikiran seperti ini umpama melepaskan setiap harapan.”

“Apabila seseorang itu sangat sakit, adalah dinasihatkan untuk memberi mereka pengurapan orang sakit. Begitu juga apabila seseorang sudah tua, adalah baik mereka menerima pengurapan orang sakit,” kata Bapa Suci sambil menekankan tidak perlu menunggu sehingga seseorang yang mengalami penyakit serius atau berada pada tahap kematian untuk menerima sakramen ini.

“Mari kita berdoa agar sakramen pengurapan orang sakit memberikan kekuatan rohani kepada mereka yang menerimanya dan kepada orang yang mereka sayangi, dan agar sakramen pengurapan orang sakit itu menjadi tanda belas kasihan Tuhan dan harapan yang semakin nyata,” katanya. — *media Vatikan*



Para paderi dari Keuskupan Agung Ernakulam-Angamaly. Gambar: Ucanews.com

VATIKAN: Bapa Suci Fransiskus bersyukur di atas pembebasan dua orang paderi Katolik Ukraine yang ditahan dalam penjara Rusia selama lebih 19 bulan seraya menyeru umat Kristian berdoa untuk pembebasan semua tawanan perang.

“Saya bersyukur kepada Tuhan kerana membebaskan dua paderi Katolik Yunani,” katanya selepas berdoa Angelus pada Jun 29, sempena pesta Sto Petrus dan Paulus. “Semoga semua tawanan perang ini segera dibebaskan.”

Sri Paus menyatakan kesedihannya untuk semua orang yang menderita kerana peperangan di seluruh dunia, meminta orang Kristian untuk “berdoa bagi semua penduduk yang cedera dan terancam oleh pertempuran, agar Tuhan dapat membebaskan mereka dan menyokong mereka dalam perjuangan untuk keamanan.”

Kedua-dua paderi, Fr Ivan Levytsky



Bapa Suci gembira Rusia bebaskan dua paderi Katolik Ukraine

dan Fr Bohdan Geleta merupakan paderi *Redemptorist*, telah ditangkap di bandar Berdyansk yang ditawan oleh tentera Rusia pada November 16, 2022.

Menurut Gereja Katolik Greek Ukraine,

selepas barang-barang tentera diletakkan di sebuah Gereja di bandar itu, kedua-dua paderi itu ditangkap kerana “memiliki senjata secara haram.”

Fr Ivan dan Fr Bohdan adalah antara 10

tahanan yang dibebaskan, ujar Presiden Ukraine, Volodymyr Zelenskyy dalam catatannya di X pada Jun 28.

“Saya juga ingin mengiktiraf usaha Takhta Suci untuk membawa pulang para tahanan ini,” kata Volodymyr.

Pesuruhjaya Tinggi Ukraine, Dmytro Lubinets memberitahu agensi berita *Interfax* pada Jun 20 bahawa pelepasan tahanan itu menandakan kali pertama Vatikan memainkan peranan sebagai orang tengah bagi menghantar pulang tahanan kembali ke Ukraine. Sebelum ini, Vatikan juga membantu memulangkan kanak-kanak ke Ukraine.

Dalam kenyataannya pada Jun 29, Uskup Agung Sviatoslav Shevchuk, mengucapkan terima kasih kepada Sri Paus Fransiskus atas penglibatannya dalam pembebasan tahanan dan Matteo Zuppi dari Bologna yang merupakan utusan damai Bapa Suci di Ukraine. — *media Vatikan*

AUDIENSI UMUM HARI RABU BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Tiada siapa didiskriminasi dalam nama Yesus

VATIKAN: “Tuhan tidak mendiskriminasi sesiapa kerana Dia mengasihi semua orang,” kata Sri Paus Fransiskus pada pagi Jun 30 semasa doa Angelus.

Bapa Suci memfokuskan renungannya pada dua mukjizat yang terjadi dalam Injil hari itu: penyembuhan seorang wanita yang mengalami pendarahan selama 12 tahun setelah menyentuh jubah Yesus, dan anak perempuan Yairus bangkit dari kematian setelah Yesus memegang tangannya.

Sentuhan Tuhan

Sri Paus Fransiskus menekankan kepentingan sentuhan fizikal dalam dua kisah tersebut, kedua-duanya, secara ritual dianggap najis.

“Bahkan sebelum penyembuhan fizikal, Yesus telah menegur salah faham agama, yang menurutnya Tuhan tidak memisahkan yang murni di satu pihak dan yang najis di pihak yang lain.”

Dan Dia mengundang orang-orang yang beriman untuk menetapkan imej atau gambaran berikut dalam hati mereka: Yesus adalah Tuhan yang memegang tanganmu dan mengangkatmu, Dia yang membiarkan diri-Nya disentuh oleh kesakitanmu dan menyentuhmu untuk menyembuhkanmu dan menghidupkanmu kembali!

Gereja dan masyarakat yang tidak mengecualikan sesiapa

Di sebalik semua penderitaan hidup



Sri Paus memeluk kanak-kanak selepas doa Angelus di Vatikan baru-baru ini.

ini, Sri Paus berkata, dan “walaupun dalam menghadapi dosa, Tuhan tidak menjauhkan diri-Nya daripada kita.”

Sebaliknya, “Dia mendekat untuk membiarkan diri-Nya disentuh dan menyentuh kita, dan Dia selalu membangkitkan kita dari kematian.”

Sri Paus Fransiskus menjemput umat beriman untuk “memandang hati Tuhan” dengan tepat kerana “kita memerlukan sebuah Gereja dan masyarakat yang tidak mengecualikan sesiapa, yang tidak menganggap sesiapa pun sebagai ‘najis’, supaya setiap orang, dengan kisah mereka sendiri, dapat disambut, dialu-alukan dan disayangi tanpa label atau prasangka.”

Mengapa tidak ada audiensi dengan Bapa Suci pada bulan Julai

Setiap tahun semasa cuti musim panas, Vatikan tidak menjadualkan sebarang aktiviti Sri Paus Fransiskus bersama umat awam, persendirian atau “istimewa” bersama Sri Paus Fransiskus di Vatikan.

Takhta Suci biasanya menangguk audien dua kali sahaja iaitu pada bulan Julai dan minggu apabila Sri Paus melakukan retret rohaninya.

Pejabat akhbar Takhta Suci mengumumkan dalam satu kenyataan bahawa agenda Bapa Suci akan disambung semula pada Ogos 7. Walau bagaimanapun, dalam tempoh berehat ini, Sri Paus Fransiskus akan memimpin Angelus pada hari Ahad dari tingkap Istana Apostolik Vatikan.

— media Vatikan

PENULIS BERKICAU

Berharap dan Bertindak dengan Penciptaan

Pernahkah kita terfikir atau merenung, bagaimana permulaan iman kita? Bagaimana iman itu mula-mula bertumbuh dalam diri kita?

Ia bukan semata-mata kerana kita percaya kepada sesuatu yang melampaui batas, di luar kuasa akal dan misteri yang tidak kelihatan dan tidak boleh dinamakan.

Sebaliknya, seperti yang Sto Paulus menyatakan kepada kita, ia adalah kerana Roh Kudus tinggal di dalam kita.

Kita adalah orang beriman kerana kasih Tuhan “telah dicurahkan ke dalam hati kita” (Rm 5:5) dan Roh sekarang benar-benar “janji warisan kita” (Ef 1:14), sentiasa mendorong kita untuk berusaha melakukan perkara-perkara baik, meneladani kemanusiaan Yesus yang sejati.

Roh Kudus mendorong orang-orang beriman menjadi kreatif dan pro-aktif dalam amal.

Roh menghantar kita ke perjalanan besar kebebasan rohani, namun ada cabarannya. Salah satunya, kita bergelut antara cara berfikir Roh dan dunia, yang bertentangan antara satu sama lain (rujuk Gal 5:16-17).

Kita tahu bahawa buah pertama Roh, adalah kasih. Dengan bimbingan Roh Kudus, kita percaya kita adalah anak-anak Tuhan sehingga dapat memanggil-Nya mesra dengan perkataan “Abba, Bapa” (Rom 8:15).

Roh Kudus juga mengingatkan kita agar tidak lagi jatuh kembali ke dalam ketakutan kematian, kerana Yesus telah bangkit daripada kematian. Inilah harapan besar kita: Kasih Tuhan telah menang dan terus menang atas segala-galanya.

Sesungguhnya, walaupun dalam menghadapi kematian fizikal, kemuliaan masa depan sudah terjamin bagi mereka yang menjalani kehidupan baharu Roh. Inilah yang ditegaskan dalam Dekri Jubli Tahun Harapan 2025.

“Berharap dan Bertindak dengan Penciptaan” merupakan tema Hari Doa Sedunia untuk Penjagaan Penciptaan, yang akan dirayakan pada September 1, 2024.

Tema ini dipetik daripada Surat Sto Paulus kepada jemaat di Roma (8:19-25), di mana Rasul menjelaskan apa ertinya bagi kita untuk hidup menurut Roh dan menumpukan pada harapan keselamatan yang pasti yang lahir dari iman, iaitu, kehidupan baru dalam Kristus.

Sri Paus Fransiskus berpesan bahawa untuk berharap dan bertindak dengan penciptaan, maka, kita harus bergabung tenaga dan berjalan bersama-sama dengan semua lelaki dan wanita yang mempunyai niat baik.

Dengan cara ini, kita boleh membantu untuk memikirkan semula, “antara lain, soal kuasa manusia, maknanya dan hadnya.”

Kuasa kita misalnya kemajuan kemajuan teknologi, memang mengagumkan, tetapi kita tidak menyedari bahawa pada masa yang sama, kita telah bertukar menjadi makhluk yang sangat berbahaya, mampu mengancam nyawa banyak makhluk dan kelangsungan hidup kita sendiri” (*Laudate Deum*, 28).

Berharap dan bertindak dengan ciptaan, bermakna menjalani iman yang berinkarnasi, yang boleh masuk ke dalam “daging” orang lain yang menderita dan penuh harapan, dengan mengambil bahagian dalam pengharapan kebangkitan jasmani bagi orang-orang yang percaya akan Kristus.

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Mingguan Katolik Gereja Malaysia yang berusaha menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berdialog dengan semua sektor masyarakat bagi membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di luar arena Gereja.

Dua minit yang mengubah hidup kita!

Sri Paus Fransiskus, orang kudus dan spaderi selalu mengajak kita untuk berdoa rosari.

Mereka berkata bahawa doa ini memiliki kuasa yang dapat mengubah hidup anda, memperkukuh keluarga, membawa kedamaian bagi dunia, mempertobatkan seluruh bangsa dan memenangkan keselamatan bagi jiwa-jiwa.

Tetapi bagi masyarakat moden, bukan mudah untuk memulakan doa rosari yang mengambil masa 10 hingga 15 minit!

Jika doa rosari masih belum menjadi sebahagian kehidupan doa rutin kita, berikut merupakan lima kunci yang boleh mendorong anda berdoa rosari secara tetap:

Pertama, kita tidak semestinya berdoa rosari sekaligus.

Kita boleh memilih untuk membahagikan misteri, misalnya mendoakan satu atau dua misteri pada waktu pagi atau semasa perjalanan ke tempat kerja, ketika melipat pakaian atau mencuci piring.

Ramai orang yang berdoa rosari dengan cara seperti ini dan menemukan bahawa cara ini lebih mudah dikelola dan mendapat manfaat dalam kehidupan mereka yang sibuk.

Kedua, kita boleh berdoa rosari di mana sahaja. Kalau kita tiba-tiba menghadapi situasi yang mendesak untuk



menghadirkan Tuhan dalam doa, atau jika kita ingin mengisi hari kita dengan selalu mengingat Tuhan, yang perlu kita lakukan hanya berdoa rosari dan mengarahkan hati kepada Tuhan melalui doa ini.

Berdoa rosari tidak semestinya di Gereja sahaja. Kita boleh berdoa rosari di bilik tidur, semasa memandu, pejabat, semasa bersenam atau semasa ke pasar!

Ketiga, kita boleh berdoa rosari dengan pelbagai cara, menyesuaikan supaya sesuai dengan keperluan kita saat ini.

Pusatkan pada kata-kata doa, contohnya memikirkan salam Gabriel kepada Maria, mengucapkannya dengan perlahan dan dengan penuh kasih.

Keempat, masukkan berdoa rosari dalam jadual kita. Dalam kesibukan harian, mustahil kita tidak ada tiga minit jeda dalam sehari. Dalam jeda ini, kita boleh berdoa satu kali Bapa Kami, sepuluh salam Maria dan Kemuliaan satu kali. Mudah bukan?

Tidak perlu berhenti untuk melakukan tugas atau apa yang sedang kita kerjakan: kita boleh berdoa cara di atas sambil memasak, menyapu lantai, menggendong bayi atau sambil berjalan.

Hanya dalam tiga atau dua minit setengah, kita dapat mempersembahkan hadiah khusus bagi Tuhan (satu dekade doa rosari) untuk intensi tertentu.

Kelima, jika kita tidak mampu memberikan perhatian penuh saya dalam doa rosari, maka doa itu masih layak didoakan. Mungkin kita terlalu letih untuk berdoa dengan baik.

Mungkin juga kita mengalami gangguan dan suasana bising di rumah atau pejabat.

Namun demikian, kata-kata dalam doa rosari itu alkitabiah dan kudus.

Mempersembahkan satu atau dua dekade di tengah-tengah kehidupan sehari-hari, kita memberikan sesuatu yang indah kepada-Nya! — *Aleteia*

Seruan taja senaskah Kitab Suci untuk orang miskin

KENINGAU: Sebagai menyahut kepada keputusan mesyuarat Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura, Brunei yang menetapkan bulan Julai sebagai bulan Alkitab, Komisi Alkitab bagi Keuskupan Keningau berusaha menjalankan beberapa aktiviti sempena menjalankan beberapa aktiviti sempena bulan Kitab Suci di pelbagai paroki.

Dengan tema, "Firman-Mu pelita hidupku" Pengerusi Komisi Alkitab Keuskupan Keningau, Fr Gilbert Engan, mengatakan antara cadangan komisi ini untuk mempromosi Kitab Suci ialah menaja Kitab Suci untuk orang miskin, menyertai kumpulan perkongsian Alkitab dan memiliki sekurang-kurangnya senaskah Kitab Suci Katolik serta menggalakkan setiap paroki menganjurkan seminar atau kursus Alkitab.

Catholic Sabah lantik Associate Editor yang baharu

KOTA KINABALU: Peter @ Peter Zeter bin Kombiong berasal dari Kg Logkou Baru, Tuaran telah dilantik oleh Uskup Agung John Wong sebagai *Associate Editor* bagi akhbar Katolik, *Catholic Sabah* bermula Julai 1, 2024.

Sebelum ini beliau merupakan sub-editor bagi akhbar berkeluaran dua kali sebulan itu pada tahun 2023.

Peter mengambil alih jawatan *Associate Editor* yang dipegang oleh Linda Edward, yang kini merupakan setiausaha eksekutif kepada Uskup Agung John Wong.

Catholic Sabah merupakan akhbar dan laman web berlesen milik Keuskupan Agung Kota Kinabalu Sabah, Malaysia sejak 1957.

Peter mempunyai pengalaman luas dalam bidang jurnisme dan foto jurnisme hampir 20 tahun.

Pada tahun 2005, beliau bekerja di

Mingguan Katolik *HERALD* selama lapan bulan, mengendalikan ruangan Bahasa Malaysia.

Beliau merupakan mantan penuntut Kolej Seminari Sto Petrus Kuching, Malaysia dan memiliki sijil falsafah (1998) dan teologi (2002) dari kolej tersebut.

Peter juga pernah menyambung pengajian Kewartawanan di *London School of Journalism*.

Selepas beberapa tahun bekerja di syarikat *Air India* dan *Air Asia* di Kuala Lumpur, Peter kembali ke Sabah dan bekerja sebagai *adjuster*.

Pada tahun 2009, Dominic Lim, setiausaha eksekutif kepada Uskup Agung John Lee (kini emeritus), telah menawarkan Peter untuk menyertai Komisi Pembangunan Insan Keuskupan Agung Kota Kinabalu yang kini dikenali sebagai Komisi Pelayanan Pastoral



bagi Migran dan Orang yang Berpindah Randah (ACMI) Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Peter telah dilantik sebagai timbalan pengerusi bagi Komisi Episkopal untuk pelayanan pastoral bagi Migran dan Perantau (ECMI) pada bulan Mei lalu.

Ribuan umat sambut ulang tahun ke-75 Uskup Cornelius Piong

Uskup Cornelius Piong bersama Nunsio Apostolik, Kardinal Sebastian, para Uskup dan emcee pada malam Julai 1, 2024 di Keningau.

KENINGAU: Uskup Cornelius bukan sahaja seorang Uskup bagi Keuskupan Keningau, tetapi dia juga seorang bapa, kini datuk, pemimpin dan penghulu! Pengalaman emasnya akan terus membantu Keuskupan Keningau untuk menjadi keuskupan sinodal! kata Kardinal Sebastian Francis, semasa majlis ulang tahun kelahiran ke-75 Uskup Cornelius Piong, pada Julai 1 lalu di Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Nulu Sosopon.

Majlis ulang tahun itu juga bersempena perhimpunan Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei kali ke-114. Turut hadir ialah Nunsio Apostolik ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Zaluski.

Majlis kesyukuran ulang tahun ke-75 Uskup Cornelius dimulakan dengan perayaan Ekaristi yang dihadiri para paderi Keuskupan Keningau, Keuskupan Agung Kota Kinabalu, rakan-rakan paderi seangkatan Uskup Cornelius Piong dan lebih tiga ribu umat.

"Terima kasih kerana kehadiran anda semua. Ini bukanlah perayaan untuk saya tetapi perayaan untuk kita semua," ucap Uskup Cornelius yang memimpin perayaan Ekaristi pada petang Isnin itu.

Dalam nada gurau prelatus itu berkata, "Saya sendiri tidak menyangka dapat mencapai usia 75 tahun namun saya percaya Tuhan mengizini-

kan dan sentiasa memampukan saya untuk menjadi alat-Nya."

Uskup bumiputera pertama di Sabah itu mengenang kembali semasa Keuskupan Keningau menyambut ulang tahun ke-25 pada tahun 2018.

"Saya berfikir dan bertanya apa lagi yang perlu kita lakukan supaya terus dapat berjalan bersama. Dan saya diinspirasikan dengan doa Yesus sebelum Dia meninggalkan murid-murid-Nya (Yohanes 17). Yesus berdoa tiga perkara ini:

1. Yesus berdoa kepada Bapa agar para pengikut-Nya bersatu sama seperti kesatuan Dia dengan Bapa dan Roh Kudus

2. Perlindungan dari si jahat. Mari kita selalu mendekatkan diri kepada Tuhan agar Dia selalu melindungi kita dari si jahat. Jangan biarkan diri kita digunakan atau menajdi ejen syaitan!

3. Yesus berdoa supaya para pengikut-Nya hidup dalam kekudusan. Kekudusan bukan bermakna berlutut dan berdoa 24 jam sebaliknya menjadi alat atau saluran Yesus di mana sahaja kita berada.

Selepas Misa Kudus, acara diteruskan di Dewan Keluarga Kudus. Ada tujuh hal yang menarik semasa majlis di dewan iaitu:

• pemberian hadiah berupa kereta pacuan

empat roda kepada Uskup Cornelius,

• pemberian gambar berbingkai berkat apostolik Sri Paus Fransiskus sempena ulang tahun ke-75 Uskup Cornelius yang disampaikan oleh Nunsio Apostolik

• penerbitan buku mini biografi Uskup Cornelius Piong

• pemberian hadiah patung Bonda Maria setinggi tiga kaki kepada Uskup Cornelius Piong oleh kakitangan Katedral St Francis Xavier dan Mision Kemabong

• persembahan-persembahan kebudayaan (antaranya bertaraf antarabangsa) dari setiap paroki

• hadiah kek seberat lebih lima kg oleh seorang ahli politik Islam, Datuk Annuar Ayub @ Banand

• nyanyian khas lagu ciptaan Uskup Cornelius Piong "Maria Tina Za do Koupusan": (Maria, bonda kami yang disayangi).

Uskup Cornelius Piong baharu sahaja menyambut ulang tahun episkopalnya yang ke-31 pada Mei 1, lalu. Terkenal dengan slogan "Kekitaan adalah Kebahagiaan", Uskup Cornelius dilahirkan di Kg Purun, Kuala Penyu pada Julai 1, 1949. Beliau ditahbis sebagai paderi pada Mac 27, 1977 dan dilantik sebagai uskup pertama Keuskupan Keningau pada Mei 6, 1993.

Anak tempatan Sabah boleh menggem-bala umat Tuhan pelbagai bangsa!

Paderi pertama yang ditahbis oleh Uskup Cornelius Piong iaitu Fr Paul Mikin pada September 9, 1993 mengatakan, "Tuhan mengaruniakan Uskup Cornelius Piong dengan sikap panjang sabar, kebapaan, kebijaksanaan, kesatuan, cinta kasih, kekudusan, kesetiaan, kerajinan, akal budi, relasi akrab dengan Tuhan, Putera dan Roh Kudus, sangat menghormati Bonda Maria serta membuktikan bahawa anak tempatan Sabah boleh menggem-bala umat Tuhan yang terdiri daripada pelbagai bangsa!"

Kardinal Sebastian yang merupakan rakan seangkatan Uskup Cornelius semasa menuntut di College General pada penghujung era 60 dan 70-an mengatakan, "Uskup Cornelius Piong merupakan anggota paling lama dalam Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei. Secara jujur, Cornelius Piong adalah seorang insan yang sangat baik, pengikut Tuhan dan rasul yang setia, yang berani mendedahkan wajah Yesus melalui sikap yang sangat sederhana, sama ada dari segi percakapan mahupun tindakan."